

Eksekutif Bank Digesa Mohon Pensijilan Baharu Bagi Juruaudit

12/01/2018

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Eksekutif bank, yang mempunyai sama ada ijazah, diploma atau sijil dengan tiga tahun pengalaman audit, digesa memohon Pensijilan bagi Juruaudit Bank (CBA) untuk meningkatkan lagi kecekapan mereka dalam audit dalaman bank.

Pengerusi Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Tan Sri Azman Hashim, berkata CBA dirangka untuk menyelaraskannya dengan badan berkaitan pengetahuan dan menggunakan rangka kerja bersepadu bagi audit dalaman dengan penekanan kepada audit teknologi maklumat (IT) berikutan serangan siber kini menjadi antara risiko utama bank.

"Susulan kita beroperasi di pasaran global yang saling berkaitan, CBA jelas menjadi keperluan kepada juruaudit dalaman bank untuk mengikuti perkembangan ini," katanya kepada pemberita selepas pelancaran pensijilan itu di sini hari ini.

Beliau berkata pensijilan CBA adalah pengganti kepada Sijil Audit Dalaman untuk Institusi Kewangan (CIAFIN) yang mula diperkenalkan pada 1998.

"Susulan kandungan audit dalaman yang kompleks, terutamanya dengan penggunaan teknologi yang semakin meluas dalam industri perbankan, AICB perlu mengkaji semula CIAFIN," katanya, sambil menambah lebih 1,000 calon dijangka memohon untuk mendaftar pensijilan CBA bulan depan.

Sementara itu, Ketua Eksekutif AICB, Prasad Padmanaban, berkata sebagai satu-satunya badan profesional bagi industri perbankan, ia menjadi tanggungjawab institusi itu untuk memastikan kelayakan yang ditawarkan mencerminkan standard tertinggi yang diperlukan oleh sektor tersebut.

"Pensijilan ini terdiri daripada dua modul dengan kedua-dua sukatan selaras dengan badan audit dalaman semasa mengenai pengetahuan dan metodologi.

"Audit IT amat sesuai dan diperlukan susulan industri melalui persekitaran 4.0 perbankan," katanya.

-- BERNAMA